

30/06/2002

Kak Nita main filem

SEBELUM ni Anita Sarawak pernah meluahkan hasratnya untuk berlakon sebuah filem. Dengar kata draf dan skripnya sudah dihasilkan oleh suami Kak Nita sendiri, Mahathir Abdullah.

Nampaknya hasrat Kak Nita yang satu ini bakal tercapai tidak lama lagi. Wakil Bintang Popular yang menemui Kak Nita, baru-baru ni diberitahu mengenai perkembangan filem berkenaan. Katanya, Kak Nita akan memegang watak utama.

Katanya lagi, sesiapa yang tengok Kak Nita nanti tentu meluat melihat aksinya kerana dia membawakan peranan yang di luar jangkaan. Kita tengok nanti. Tentu lakonan Kak Nita sama hebat dengan arwah ibunya, Siput Sarawak.

Sekarang ni, Nisa dengar Kak Nita makin popular kat Singapura. Watak Kak Bedah yang dibawakan dalam iklan barang kemas di sebuah stesen TV di sana cukup menjadi. Melekatlah nama Kak Bedah sampai budak-budak pun kejarnya dan meminta anting-anting Kak Bedah!

(END)